

## **Air mata Jernih**

Mohd Hafiz

Termenung. Seperti biasa, petang-petang, Anis duduk sendirian di beranda rumah. Bermenung. Entah apa yang dimenungkannya.

“Anis, mari minum sekali. Susah-sudahlah tu.”  
Teriak ibu Anis.

“Kejap.” Balas Anis manja.

“Apa yang Anis fikirkan tu?” Tanya ayah Anis yang sudah menunggu di meja makan.

“Masa depan agaknya, entah gelap, entah cerah.”  
Keluh Anis.

Tersentak perasaan ayah Anis. Berkerut wajahnya. Ibu Anis faham benar perasaan suaminya. Tangan suaminya yang kasar digenggam.

“Emm, tak mengapalah, lepas makan nanti, mandi ye. Lepas tu pergi mengaji.” Terang Amin, ayah Anis mengubah topik.

Malam itu, Amin dan Tijah duduk bersama menghabiskan malam tua. Kedua-dua mereka berbincang tentang anak mereka. Cukup bingung kepala mereka. Mana hendak dicekau duit sebanyak RM 20, 000.

“Anis selalu tanya, bila nak ubatkan mata dia.”  
Mula Tijah. Kopi panas yang baru dibancuh dituang perlahan.

Amin hanya mampu mendengus.

“Entahlah, bukan saya tak sayang dekat anak tunggal kita tu. Tapi, saya ni. Hmm...tengoklah, kerja tukang kayu, harta pun tak ada. Mana nak cari duit. Merompak? Nak mengemis?” kesal Amin. Isterinya hanya memandang. Apa nak dibalasnya kalau itu jawapan suaminya.

\*\*\*\*\*

Subuh-subuh lagi Anis sudah siap. Bersemangat betul gadis ini. Walaupun baru berusia 12 tahun, dari cara dia mengemas diri, jelas menunjukkan kematangannya.

“Dah siap, dah sarapan ke belum?” Tanya Amin kepada anak gadisnya itu.

Anis yang lagi tadi duduk di meja makan membisu saja. Tiba-tiba dia tersentak dengan pertanyaan ayahnya.

“Dah ayah.” Jawab Anis pantas.

“Jom ayah hantar ke sekolah.” Amin megajak anaknya.

Sampai di depan sekolah, Amin berpesan.

“Belajar rajin-rajin. Biar pandai dan boleh ubah keluarga. Biarlah apa orang kata. Ingat, Anis ada ayah dan ibu. Paling penting, ada Tuhan.”

Ringkas sahaja tetapi mendalam maksudnya. Hati Anis tersentuh. Anis memulakan langkah dengan penuh bersemangat selepas mengucuk tangan ayahnya.

“Apalah budak-budak tu nak ejekkan aku hari ini?” getus hati Anis. Anis gagahkan juga, setiap hari ada

sahaja mata yang memandangnya. Pelik benarkah dia? Dia Cuma seorang gadis yang cacat sedikit matanya. Namun itulah bahan gelak pelajar lain di sekolah. Anis sudah biasa.

“Satu, dua, tiga.” Terdengar suara pelajar lelaki sebaik sahaja Anis sampai.

“Wah, jin mata satu dah sampai. Lari, lari. Nanti kena makan.” Kemudian mereka ketawa terbahak-bahak. Kadang-kala Anis sedih, hatinya menangis.

Bukan itu sahaja gelaran yang diberikan kepadanya, ada juga yang mengejeknya makhluk asing, bahkan dajal pun ada. Kalau diikutkan hatinya hendak sahaja diganyang-ganyang pelajar lelaki itu. Tetapi dia harus sabar.

Dulu memang Anis emosi, tidak mahu ke sekolah. Dia tak tahan, putus asa. Tapi sekarang dia sudah faham. Manusia memang selalu jatuh-menjatuhkan. Yang sudah tergolek ditinggalkan sahaja. Dia belajar dari pengalaman. Ibu bapa juga banyak membantu selain daripada guru-guru.

“Anis, memang baik. Dia bagus, rajin, dan bersemangat. Tetapi dia diam sahaja.” Puji Cikgu Aminah semasa majlis perjumpaan guru dengan ibu bapa.

Amin senyum bangga. Guru-guru memang sayangkan Anis. Lebih-lebih lagi Cikgu Aminah. Bahkan dia guru yang mula-mula tahu Anis perlukan wang yang banyak untuk pembedahan membuang ketumbuhan di mata kiri Anis. Dia membantu dengan bersungguh-sungguh. Dia telah jalankan tabung sumbangan, dapatkan

derma, malah juga sanggup menggunakan duit sendiri untuk membantu Anis.

Habis waktu persekolahan Anis pulang seorang diri berjalan kaki. Memandangkan rumahnya tidak jauh dari sekolah. Kudrat mudanya dipacu, melangkah tapak demi tapak. Tiba-tiba dia didatangi oleh pelajar lelaki berbasikal. Mereka datang mengacau.

“Budak cacat, mata sepet.”

“Budak cacat, jin mata satu.”

Tidak cukup dengan itu, salah seorang dari mereka menolak Anis sekuat hati. Entah apa yang digeramkannya.

*Bersambung...*